

14/09/2003

Belia mahu peneroka miliki 30 peratus ekuiti Felda

KUALA LUMPUR: Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) meminta peneroka diberi keutamaan dan keistimewaan untuk memiliki 30 peratus pegangan saham apabila agensi itu disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebelum akhir tahun ini.

Timbalan Presidennya, Abdullah Abu Bakar, berkata keistimewaan itu perlu diberi kepada peneroka, generasi kedua dan kakitangan Felda untuk mengelakkan masyarakat luar Felda menguasai kepentingan dalam tanah rancangan.

Justeru, katanya, masyarakat Felda harus bersedia dan memikirkan cara terbaik untuk memiliki pegangan saham dalam Felda sama ada secara individu atau pertubuhan Felda apabila agensi itu diapungkan kelak.

"Kita juga berharap mereka diberi keistimewaan dan keutamaan untuk membeli pegangan saham ini bagi menghalang orang luar turut menguasainya.

"Dengan cara ini pegangan saham dalam masyarakat Felda (orang Melayu) dapat dipertingkatkan menerusi pembelian saham itu," katanya ketika dihubungi Berita Minggu di sini, semalam.

Kelmarin, pada Bajet 2004, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, cadangan menyenaraikan Felda di BSKL adalah selaras matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan Bumiputera memiliki ekuiti 30 peratus dalam sektor korporat.

Katanya, penyenaian Felda akan dilakukan secepat mungkin tetapi ia masih tertakluk kepada pematuhan prosedur perundangan tertentu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneruskan kawalan terhadap Felda walaupun selepas ia disenaraikan di BSKL.

Katanya, kerajaan akan memikirkan cara bagaimana untuk menghalang peneroka daripada menjual saham mereka sesuka hati apabila agensi itu diapungkan nanti.

Beliau berkata, aset untuk diapungkan itu akan membabitkan ladang yang belum dijual kepada peneroka.

Abdullah berkata, masyarakat Felda terutama generasi kedua harus mengambil peluang dan kesempatan ini yang dianggap sebagai hadiah daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada masyarakat Felda di seluruh negara.

"Peluang ini mesti disambut generasi muda Felda kerana dengan cara ini mereka dapat lebih peluang untuk sama-sama membangunkan Felda terutama dalam bidang ekonomi.

"Kita pasti suntikan modal dari luar yang masuk ke Felda akan memberi banyak faedah kepada pembangunan Felda sendiri terutama untuk jangka masa panjang," katanya.